

# 'Uji keupayaan parti kerajaan di hati rakyat'

**Penganalisis  
sifatkan  
pertandingan beri  
bentuk pola  
undian baharu**

**Kuala Lumpur:** Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka disifatkan signifikan kerana ia berperanan sebagai kayu pengukur dalam menunjukkan parti kerajaan mana yang paling mendapat tempat dalam kalangan rakyat.

Penganalisis politik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin, berkata PRN Melaka dilihat sebagai pertandingan dalam menentang parti yang berada dalam kerajaan sendiri berbanding melawan pembangkang.

Sambil menyifatkan PRN Melaka adalah sesuatu yang menarik, beliau berkata, atas dasar itu, pengundi pastinya mempunyai tugas lebih berat dalam PRN ini untuk meneliti lebih lengkap sebelum memutuskan untuk memangkah calon pilihan.

"Ini kali pertama berlaku calon membabitkan parti mewakili kerajaan bertembung sesama sendiri dan ia sudah tentu memberi

bentuk pola pengundian baharu yang ketara dalam kalangan pengundi.

"Ia sekali gus akan memecahkan dominasi politik Melayu Islam dalam kerajaan antara Perikatan Nasional (PN) membabitkan BERSATU dan PAS, selain UMNO sendiri," katanya kepada BH, di sini.

PRN Melaka menyaksikan UMNO yang membuat keputusan bertanding sendirian dan PN meletakkan calon di semua 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Selain itu, Pakatan Harapan (PH) turut mengambil pendekatan sama, sekali gus mewujudkan pertandingan sekurang-kurangnya tiga penjur.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menerima 112 calon daripada pelbagai parti politik dan individu, selain menyaksikan pertandingan antara tiga hingga enam penjur di semua 28 kerusi DUN.

Pada masa sama, Noor Nirwandy berkata, parti yang dilihat mempunyai penyokong di peringkat akar umbi iaitu PAS, UMNO dan PKR mempunyai peluang lebih cerah dipilih pengundi.

"Namun jika pengundi menilai dari aspek prestasi yang mana kita tahu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada BERSATU sebelum ini berjaya dalam melaksanakan program vaksinasi dan pemuli-

**"Ia sekali gus akan memecahkan dominasi politik Melayu Islam dalam kerajaan antara Perikatan Nasional (PN) membabitkan BERSATU dan PAS, selain UMNO"**



**Noor Nirwandy  
Mat Noordin,**  
Penganalisis  
politik  
dari UiTM

**"Pembabitan semua parti kerajaan dalam PRN Melaka menjadi petunjuk kepada kesuburan demokrasi Malaysia"**

**Md Shukri Shuib,**  
Penganalisis politik  
dari UUM



han ekonomi, mungkin dipertimbangkan pengundi untuk memilih calon parti itu," katanya.

Beliau berkata, dengan keadaan itu, selain peluang diambil calon Bebas untuk turut sama bertanding, PRN Melaka bakal menunjukkan proses demokrasi sebenar.

"Ia boleh memberi jawapan kepada kita sama ada situasi politik negara yang tidak stabil membuka ruang kepada calon Bebas dan calon bukan dominan untuk memenangi PRN kali ini," katanya.

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Md Shukri Shuib, berkata 'pembabitan' semua parti kerajaan dalam PRN Melaka menjadi petunjuk kepada kesuburan demokrasi Malaysia.

Beliau berkata, fenomena pelbagai calon daripada parti kerajaan adalah perkara biasa dalam politik digital semasa.

"Seiring kemajuan negara, peluang individu sama ada dalam parti atau secara bebas lebih terbuka meletakkan diri dalam dunia demokrasi pilihan raya.

"Pengundi harus menilai baik buruk pilihan bakal dilakukan yang mana mereka perlu peka dan teliti dengan keperluan komuniti disesuaikan dengan calon yang bakal diundi," katanya.